



PELAN PENGURUSAN RISIKO RASUAH

KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR

PELAN PENGURUSAN RISIKO RASUAH

(Corruption Risk Management Plan)

Prakata




Pelan Pengurusan Risiko Rasuah atau *Corruption Risk Management Plan* (CRM) merupakan satu langkah terancang ke arah memperkuatkkan tadbir urus yang baik bagi menutup ruang dan peluang rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan dalam organisasi menerusi penyediaan pelan pengurusan risiko yang sistematisik. Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE) telah membangunkan Pelan CRM yang melibatkan pelaksanaan strategi dan pendekatan di Kementerian/ Jabatan/ Agensi di bawah NRE dengan menggariskan cadangan tindakan-tindakan berserta sasaran yang ditetapkan di bawah pelan tindakan CRM tersebut. Usaha penambahbaikan akan dilaksanakan secara berterusan bagi memastikan agenda integriti yang digariskan di bawah Pelan tersebut sentiasa relevan dengan persekitaran Kementerian khususnya dan perkhidmatan awam amnya. Jutaan penghargaan ditujukan kepada semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam menjayakan penerbitan ini. Semoga penerbitan ini dapat dijadikan rujukan serta memberi panduan kepada Bahagian dan Jabatan/Agensi di bawah NRE dalam usaha membanteras rasuah dan menambahbaik tadbir urus di samping memartabatkan serta membudayakan integriti di organisasi masing-masing.

Sebarang keterangan lanjut, sila hubungi:

Unit Integriti
Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar
Aras G, Wisma Sumber Asli
No. 25, Persiaran Perdana, Presint 4
62574 PUTRAJAYA

KANDUNGAN

Perutusan YB Menteri	4
Kata-kata Aluan Ketua Setiausaha	5
Visi, Misi & Objektif	6
Nilai Bersama	7
Carta Organisasi	8
Pelan Strategik	10
KENAL PASTI RISIKO RASUAH	
Apakah Pelan Pengurusan Risiko Rasuah ?	14
Komponen Utama Pengurusan Risiko Rasuah	15
Proses Penilaian Risiko Rasuah	16
PENGUKURAN RISIKO RASUAH	
Pemetaan Risiko Rasuah (<i>Risk Map</i>)	18
Potensi Risiko Rasuah	20
PELAN TINDAKAN RISIKO RASUAH	
Ringkasan Pelan Tindakan	34
PEMANTAUAN PELAN PENGURUSAN RISIKO RASUAH	
Pengenalan	44
Format Pemantauan	45
Penghargaan	46
Glosari	47



Perutusan YB MENTERI

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia
Negaraku Alam Sekitarku

Kerajaan sentiasa menekankan pembudayaan integriti dan tadbir urus baik di kalangan penjawat awam di Negara ini. Integriti merupakan salah satu daripada teras utama dalam pembentukan tingkah laku yang betul dan jelas di kalangan warganya. Pelbagai usaha giat dilaksanakan oleh Kerajaan dalam menyemai penghayatan dan pengukuhan kepada konsep integriti menerusi program-program dan aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan sama ada di dalam atau di luar organisasi di peringkat global mahupun nasional di dalam atau di luar negara.

Menyedari kepentingan serta usaha pencegahan rasuah, Pelan Pengurusan Risiko Rasuah atau *Corruption Risk Management (CRM) Plan* yang digubal dan diterbitkan bertujuan untuk membudayakan dan memperkuuhkan integriti di kalangan warga kerja Kementerian serta Jabatan dan Agensi di bawahnya melalui pelaksanaan tindakan-tindakan preventif dan proaktif seperti mana yang digariskan di bawah pelan tersebut. CRM merupakan satu alat pengurusan yang efektif dalam menangani isu-isu risiko rasuah dan mewujudkan sistem pengurusan yang bercirikan anti rasuah dan mendukung nilai integriti.

Dalam hal ini, usaha dan komitmen daripada semua warga Kementerian termasuk Jabatan dan Agensi di bawahnya adalah penting dan perlu digerakkan secara bersepadan dan terselaras dalam usaha mengurangkan atau menghapuskan terus isu-isu risiko rasuah daripada berlaku di dalam organisasi yang kita cintai.

Justeru, dengan adanya Pelan Pengurusan Risiko Rasuah Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE), saya menyeru agar penghayatan terhadap nilai integriti akan dapat terus dipupuk di peringkat organisasi dan warga Kementerian khususnya. Dalam masa yang sama, aspek tadbir urus dan sistem penyampaian perkhidmatan Kementerian dapat ditambahbaik berdasarkan persekitaran dan dasar baharu Kerajaan.

Sekian, Wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.
Terima kasih.

Datuk Seri Dr. Hj Wan Junaidi Bin Tuanku Jaafar

Kata-Kata Aluan KETUA SETIAUSAHA



بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia
Negaraku Alam Sekitarku

Alhamdulilah, syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan limpah kurniaNya dapat kita melahirkan Pelan Pengurusan Risiko Rasuah atau dikenali sebagai *Corruption Risk Management (CRM) Plan* yang komprehensif dan inklusif khusus untuk Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE) dan Jabatan/Agensi di bawahnya.

Agenda pengukuhan integriti sentiasa menjadi fokus utama Kerajaan dalam aspirasi menjadikan Malaysia sebuah ekonomi berpendapatan tinggi. Dalam Rancangan Malaysia Keselbelas (RMKe-11), 2016 - 2020, Kerajaan akan lebih berpaksikan rakyat serta menumpukan kepada peningkatan produktiviti, akauntabiliti, ketelusan dan kecekapan perkhidmatan awam di mana usaha memartabat integriti dan membanteras rasuah turut menjadi salah satu fokus utama. Justeru, Pelan CRM NRE yang telah dibangunkan secara kolektif ini perlu dilaksanakan dengan tekad dan azam yang tinggi untuk memastikan setiap warga kerja NRE berintegriti tinggi dan bebas daripada pengaruh rasuah selaras dengan tuntutan agama, aspirasi Kerajaan dan rakyat.

Melalui strategi dan pendekatan yang direncanakan menerusi Pelan ini, pembudayaan, penghayatan dan pengukuhan terhadap nilai-nilai integriti akan dapat dipertingkatkan, yang akhirnya dapat menghasilkan warga kerja NRE yang mempunyai rasa tanggungjawab dan mengamalkan prinsip-prinsip integriti dalam segenap aspek kehidupan. Saya menyeru agar setiap usaha dan komitmen daripada Bahagian dan Jabatan/Agensi perlu diselaraskan dengan berkesan dan tersusun agar agenda integriti NRE menjadi suatu tindakan yang bersifat holistik dan berterusan di setiap peringkat organisasi.

Akhir kata, saya merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih atas komitmen tinggi semua pihak dalam menyediakan Pelan CRM NRE ini. Semoga apa jua yang kita usahakan pada hari ini akan membawa hasil yang baik pada masa hadapan.

Sekian, Wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.
Terima kasih.

Dato' Sri Azizan Bin Ahmad



VISI

Menerajui pengurusan sumber asli dan pemuliharaan alam sekitar secara berkekalan

MISI



Menyediakan perkhidmatan yang cemerlang dalam pengurusan sumber asli dan pemuliharaan alam sekitar sejajar dengan wawasan negara melalui:

- perancangan bersepadu program dan aktiviti semua Jabatan dan agensi;
- pengembelangan secara optimum guna tenaga, teknologi terkini dan sumber kewangan;
- pembangunan sumber asli secara optimum untuk menyokong aktiviti nilai tambah;
- peningkatan dan pengukuhan aktiviti penyelidikan dan pembangunan;
- penyebaran dan perkongsian input teknikal dan pengurusan pangkalan data yang berkesan;
- kerjasama berkesan dengan semua peringkat sektor awam, swasta dan antarabangsa; dan
- peningkatan kemahiran dan pengetahuan melalui latihan secara sistematis dan berkesan.




OBJEKTIF

Membantu ke arah pengurusan sumber asli dan pemuliharaan alam sekitar yang optimum melalui perancangan penggunaan sumber yang cekap, pembangunan modal insan dan pematuhan undang-undang dan perjanjian antarabangsa

NILAI BERSAMA



CARTA ORGANISASI KEMENTERIAN



SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR

PEJABAT MENTERI

SETIAUSAHA POLITIK MENTERI
YBhg. Dato' Sri Haji Syed Hamzah bin Syed Paie

Unit Penasihat Hal Ehwal Perubahan Iklim	Penasihat Hal Ehwal Perubahan Iklim, Pegawai Kawalan Alam Sekitar, Gred Utama B (KUP)
KOSONG	
Unit Audit Dalam (UAD)	Ketua Audit Dalam, Juruaudit, Gred W54 Encik Azman bin Mahmood
Unit Undang-Undang (UU)	Penasihat Undang-Undang, Pegawai Undang-undang, Gred Utama C Puan Roslinda binti Mohd Shafie
Unit Komunikasi Korporat (UKK)	Ketua Komunikasi Korporat, Gred 54 Cik Audrey May Sebastian
Unit Integriti (UI)	Ketua Unit, Pen. Peg. Siasatan/ Peg. Siasatan, Gred P53/54 Encik Nor Rasmi bin Sharif
Unit KPI	Pegawai KPI PTD, Gred M52 Puan Addzina binti Ibrahim
Unit Perancangan Strategik dan Antarabangsa (UPSA)	Ketua Unit PTD, Gred M52 Encik Mohd Shahnaz bin Yazid

TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA (PENGURUSAN ALAM SEKITAR)

PTD, Gred Utama A (KUP) Jaw. Hakiki Jaw. Terbuka, Gred Utama A
YBhg. Dato' Sr. Dr. Azimuddin bin Bahari

Bahagian Pengurusan Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (BPASPI)	Bahagian Pengurusan Biodiversiti & Perhutanan (BBP)
SUB, PTD, Gred Utama C	SUB, PTD/Peg. Perikanan/Pemeliharaan Hutan/Peg. Hidupan Liar/Peg. Penyelidik, Gred Utama C
Encik Jaya Singam Al A Rajoo	YBrs. Dr. Megat Sany bin Megat A Supian

Bahagian Pembangunan (BP)	Bahagian Akaun (BA)
SUB, PTD, Gred M54	Ketua Akaun, Akauntan, Gred Utama C (KUP) Jaw. Hakiki, Akauntan, Gred W54
Encik Mohd 'Ahsraf bin Mohd Noor	Puan Lai Yet Mee




JABATAN BIOKESELAMATAN (JBK)
KP Biokeselamatan, Gred Utama C YBrs. Puan Norsham binti Abdul Latip

JABATAN BIOKESELAMATAN (JBK)
Pengarah, PTD, Gred M54 YBrs. Puan Norehan binti Omar

Sumber : Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM)

PELAN STRATEGIK KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR 2016-2020



OBJEKTIF KEMENTERIAN

Membantu ke arah pengurusan sumber asli dan pemuliharaan alam sekitar yang optimum melalui perancangan penggunaan sumber yang cekap, pembangunan modal insan dan pematuhan undang-undang dan perjanjian antarabangsa

PENGURUSAN AIR	PENGURUSAN GEOLOGI	PENGURUSAN DAN PENTADBIRAN TANAH DAN GEOSPATIAL
<p>Pencerobohan rizab – pemantauan yang lemah</p> <p>Pelantikan vendor atau syarikat kolaborasi yang sama/tidak kompeten</p>	<p>Pemalsuan maklumat laporan yang disediakan, pakatan di antara pemohon dan pegawai penguatkuasa</p> <p>Pengeluaran permit eksport mineral dan bahan batu kepada entiti yang tidak berkelayakan, pemalsuan maklumat pakatan di antara pemohon dan pegawai pemproses</p> <p>Kebocoran maklumat penguatkuasaan dan pengawalseliaan melalui pakatan di antara penguasa lombong/kuari dan pegawai penguatkuasa (<i>conflict of interest</i>)</p>	<p>Salah guna kelulusan permit penerbangan oleh syarikat</p> <p>Pengubahsuaihan pada tuntutan bayaran mengajar</p> <p>Pemilihan konsultan tidak kompeten</p> <p>Pengeluaran lesen kepada entiti yang tidak berkelayakan, pemalsuan maklumat, pakatan di antara pemegang lesen dan pegawai penguatkuasa</p>

OBJEKTIF KEMENTERIAN

Membantu ke arah pengurusan sumber asli dan pemuliharaan alam sekitar yang optimum melalui perancangan penggunaan sumber yang cekap, pembangunan modal insan dan pematuhan undang-undang dan perjanjian antarabangsa

PENGURUSAN ALAM SEKITAR	KONSERVASI BIODIVERSITI DAN HUTAN	TADBIR URUS KEMENTERIAN
Ruang dan peluang rasuah semasa pemeriksaan ke atas premis	Rasuah dan salah guna kuasa di dalam permohonan kelulusan kawasan membakar	Perkhidmatan Kawalan Keselamatan tidak berkualiti
Pakatan rasuah/salah guna kuasa semasa proses siasatan pematuhan syarat <i>Environmental Impact Assessment</i> (EIA) di lapangan	Penguatkuasaan yang lemah di pintu masuk Negara	Penyelenggaraan kenderaan Jabatan yang tidak memuaskan
	Hukuman yang lebih berat ke atas individu/pihak yang melakukan kesalahan dalam Taman Laut	Penerimaan barang yang tidak mengikut spesifikasi dan kuantiti tidak mencukupi
	Kebocoran maklumat operasi pengquatkuasaan kepada pihak yang berkepentingan	Orang Kena Tuduh (OKT) tidak dapat dituduh
	Tiada tindakan diambil ke atas individu/pihak yang melindungi/membela kesalahan yang dilakukan dalam Taman Laut	Kebocoran maklumat senarai projek dan tender
		Kebocoran maklumat tender/sebut harga/pelantikan perunding
		Salah guna kuasa dan penyelewengan dalam Pengurusan perolehan Jabatan



Kenal Pasti
Risiko Raouah


APAKAH PELAN PENGURUSAN RISIKO RASUAH?

Satu alat pengurusan (*Management Tool*) yang digunakan untuk menangani isu-isu risiko rasuah dengan menghasilkan Pelan Pengurusan Risiko Rasuah dan mewujudkan sebuah sistem pengurusan yang bercirikan anti rasuah dan mendukung nilai integriti


PEMBANGUNAN PELAN PENGURUSAN RISIKO RASUAH KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR

1. Keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Integriti dan Tadbir Urus (JITU) Peringkat Kebangsaan pada 28 Jun 2016 - setiap Kementerian perlu melaksanakan pendekatan kaedah Penilaian dan Pengurusan Risiko Rasuah atau *Corruption Risk Management* (CRM)
2. Pembangunan draf Pelan CRM NRE telah dilaksanakan dengan kerjasama Bahagian Pemeriksaan dan Perundingan, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menerusi dua (2) siri bengkel dan mesyuarat :
 - Bengkel Penyediaan *Corruption Risk Management* NRE bersama Jabatan/ Agensi pada 18 – 20 April 2017;
 - Bengkel Pemurnian *Corruption Risk Management* NRE bersama Jabatan/ Agensi pada 29 – 30 Mei 2017; dan
 - Mesyuarat Khas Ketua-Ketua Jabatan dan Pengurusan NRE Bil.7/2017 pada 24 Julai 2017 dan Bil.8/2017 pada 25 Ogos 2017.

KOMPONEN UTAMA PENGURUSAN RISIKO RASUAH



PROSES PENILAIAN RISIKO RASUAH



RINGKASAN RISIKO RASUAH NRE

BIL	TAHAP RISIKO	BILANGAN RISIKO
1	High	0
2	Significant	22
3	Moderate	23
4	Low	0
	JUMLAH KESELURUHAN	45




Pengukuran Risiko Raouah

PEMETAAN RISIKO RASUAH (RISK MAP)

KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR DAN

JABATAN/AGENSI DI BAWAH NRE



PEMETAAN RISIKO RASUAH (RISK MAP)

KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR DAN JABATAN/AGENSI DI BAWAH NRE

Bil.	Risiko- risiko Rasuah
1.	Pencerobohan rizab – pemantauan yang lemah
2.	Pelantikan vendor atau syarikat kolaborasi yang sama/tidak kompeten
3.	Pemalsuan maklumat laporan yang disediakan, pakatan di antara pemohon dan pegawai penguatkuasa
4.	Pengeluaran permit eksport mineral dan bahan batu kepada entiti yang tidak berkelayakan, pemalsuan maklumat pakatan di antara pemohon dan pegawai pemproses
5.	Kebocoran maklumat penguatkuasaan dan pengawalseliaan melalui pakatan di antara penguasa lombong/ kuari dan pegawai penguatkuasa (<i>conflict of interest</i>)
6.	Pengeluaran lesen kepada entiti yang tidak berkelayakan, pemalsuan maklumat, pakatan di antara pemegang lesen dan pegawai penguatkuasa
7.	Salah guna kelulusan permit penerbangan oleh syarikat
8.	Pengubahauan pada tuntutan bayaran mengajar
9.	Pemilihan konsultan tidak kompeten
10.	Ruang dan peluang rasuah semasa pemeriksaan ke atas premis
11.	Pakatan rasuah/salah guna kuasa semasa proses siasatan pematuhan syarat EIA di lapangan
12.	Rasuah dan salah guna kuasa di dalam permohonan kelulusan membalaik
13.	Penguatkuasaan yang lemah di pintu masuk negara
14.	Hukuman yang lebih berat ke atas individu/pihak yang melakukan kesalahan dalam Taman Laut
15.	Kebocoran maklumat operasi penguatkuasaan kepada pihak yang berkepentingan
16.	Tiada tindakan diambil ke atas individu/pihak yang melindungi/membela kesalahan yang dilakukan dalam Taman Laut
17.	Perkhidmatan kawalan keselamatan tidak berkualiti
18.	Penyelenggaraan kenderaan Jabatan yang tidak memuaskan
19.	Penerimaan barang yang tidak mengikut spesifikasi dan kuantiti tidak mencukupi
20.	Orang Kena Tuduh (OKT) tidak dapat dituduh
21.	Kebocoran maklumat senarai projek dan tender/sebut harga/pelantikan perunding
22.	Salah guna kuasa dan penyelewengan dalam pengurusan perolehan jabatan

POTENSI RISIKO RASUAH

No	Risiko/Potensi Risiko Rasuan	Punca-Puncu	Akibat	Impak	Kebarangkalian	Tahap Risiko	Tindakan
PENGURUSAN AIR							
1.	Pencerobohan rizab – pemantauan yang lemah	1. Tiada undang-undang/Akta 2. Kurang integriti 3. Terdapat ruang dan peluang 4. Kurang kompetensi 5. Kekurangan sumber manusia 6. Kepentingan peribadi melebihi kepentingan awam 7. Kurang pewartaan	<ul style="list-style-type: none"> • Imej Kementerian/Jabatan terjejas • Projek terbengkalai/tidak siap • Penambahan kos projek/kerugian wang Negara • Menjejaskan alam sekitar dan kehidupan rakyat • Ketirisan hasil Kerajaan 	Major	Rare	Significant	Reduce
2.	Pelantikan vendor atau syarikat kolaborasi yang sama/tidak kompeten	1. <i>Conflict of interest</i> 2. Pegawai kurang berintegriti 3. Kekurangan kepakaran 4. <i>Halo effect</i> 5. Rasuan	<ul style="list-style-type: none"> • Imej Kerajaan terjejas • Projek akan terjejas 	Major	Unlikely	Significant	Reduce

No	Risiko/Potensi Risiko Rasuah	Puncak-Puncak	Akibat	Impak	Kebarangan Kalian	Tahap Risiko	Tindakan
PENGURUSAN GEOLOGI							
3.	Pemalsuan maklumat laporan yang disediakan, pakatan di antara pemohon dan pegawai penguatkuasaan	1. Kelemahan undang-undang dan peraturan 2. <i>Conflict of Interest</i> 3. SOP dan Garis Panduan tidak jelas dan lapuk 4. Kurang penyeliaan kakitangan hot staff dan hot spot 5. Tidak faham SOP dan Garis Panduan 6. Kekurangan anggota penguatkuasaan 7. Kurang peruntukan untuk menjalankan penguatkuasaan 8. Kurang peralatan untuk melakukan penguatkuasaan	<ul style="list-style-type: none"> Menjejaskan alam sekitar dan kehidupan masyarakat Ketirisian hasil Kerajaan Menjejas imej Kerajaan Kehilangan nyawa dan harta benda Kepercayaan masyarakat akan terjejas 	Major	Moderate	High	Reduce
4.	Pengeluaran permit eksport mineral dan bahan batu kepada entiti yang tidak berkelayakan, pemalsuan maklumat pakatan di antara pemohon dan pegawai pemproses	1. Kelemahan undang-undang dan peraturan 2. <i>Conflict of interest</i> 3. Tidak mempunyai SOP dan Garis Panduan yang jelas 4. Tidak faham SOP dan Garis Panduan 5. Pengaruh politik	<ul style="list-style-type: none"> Ketirisian hasil Kerajaan Menjejas imej Kerajaan Keselamatan Negara terjejas Kepercayaan masyarakat akan menurun 	Major	Moderate	High	Reduce

No	Risiko/Potensi Risiko Rasuah	Punca-Puncu	Akibat	Impak	Kebarangkalian	Tahap Risiko	Tindakan
	PENGURUSAN GEOLOGI						
5.	Kebocoran maklumat penguatkuasaan dan pengawalseliaan melalui pakatan di antara pengguna lombong/kuari dan pegawai penguatkuasa (<i>conflict of interest</i>)	1. Kelemahan undang-undang dan peraturan 2. <i>Conflict of Interest</i> 3. SOP dan Garis Panduan tidak jelas dan lapuk 4. Kurang penyeliaan kakitangan <i>hot staff</i> dan <i>hot spot</i> 5. Tidak faham SOP dan Garis Panduan penguatkuasaan 6. Kekurangan anggota penguatkuasaan 7. Kurang peruntukan untuk menjalankan penguatkuasaan 8. Kurang peralatan untuk melakukan penguatkuasaan	• Operasi pemeriksaan dan serbuan tak berkesan dan gagal • Menjejaskan alam sekitar dan kehidupan masyarakat • Ketirisian hasil Kerajaan • Menjejas imej Kerajaan • Kehilangan nyawa dan harta benda	Major	Unlikely	Significant	Reduce

No	Risiko/Potensi Risiko Rasuah	Punca-Puncu	Akibat	Impak	Kebarangkalian	Tahap Risiko	Tindakan
PENGURUSAN GEOLOGI							
6.	Pengeluaran lesen kepada entiti yang tidak berkelayakan, pemalsuan maklumat, pakatan di antara pemegang lesen dan pegawai penguatkuasa	1. Kelemahan undang-undang dan peraturan 2. <i>Conflict of Interest</i> 3. SOP dan Garis Panduan tidak jelas dan lapuk 4. Kurang penyeliaan kakitangan /not staff dan hot spot 5. Tidak faham SOP dan Garis Panduan penguatkuasaan 6. Kekurangan anggota penguatkuasaan 7. Kurang peruntukan untuk menjalankan penguatkuasaan 8. Kurang peralatan untuk melakukan penguatkuasaan	<ul style="list-style-type: none"> Menjejaskan alam sekitar dan kehidupan masyarakat Ketirisan hasil Kerajaan Menjejas imej Kerajaan Kehilangan nyawa dan harta benda Kepercayaan masyarakat akan terjejas 	Major	Unlikely	Significant	Reduce
PENGURUSAN DAN PENTADBIRAN TANAH DAN GEOSPATIAL							
7.	Salah guna kelulusan permit penerbangan oleh syarikat	1. Pegawai kurang berintegriti 2. Kurang penyeliaan 3. Arahan pihak atasan (luar) 4. Kurang kakitangan	<ul style="list-style-type: none"> Mengancam keselamatan Negara Menjejaskan imej Jabatan Penyalahgunaan data yang diperoleh 	Major	Rare	Significant	Reduce

No	Risiko/Potensi Risiko Rasuah	Punca-Punca	Akibat	Impak	Kebarangkalian	Tahap Risiko	Tindakan
PENGURUSAN DAN PENTADBIRAN TANAH DAN GEOSPATIAL							
8.	Pengubahan pada tuntutan bayaran mengajar	<ul style="list-style-type: none"> 1. Pegawai tidak jujur 2. Pegawai tidak membuat semakan dengan teliti 3. Memenuhi kadar bayaran yang diminta oleh penceramah 4. Ada unsur kepentingan peribadi 	<ul style="list-style-type: none"> • Kerugian kepada Jabatan 	Major	Moderate	Significant	Reduce
9.	Pemilihan konsultan tidak kompeten	<ul style="list-style-type: none"> 1. Pemilihan konsultan yang tidak teliti 2. Ada unsur kepentingan peribadi 	<ul style="list-style-type: none"> • Objektif program tidak tercapai • Kerugian kepada Jabatan 	Major	Unlikely	Significant	Reduce

No	Risiko/Potensi Risiko Rasuah	Punca-Punca	Akibat	Impak	Kebarangkalian	Tahap Risiko	Tindakan
PENGURUSAN ALAM SEKITAR							
10.	Ruang dan peluang rasuah semasa pemeriksaan ke atas premis	1. Pengamalan <i>check and balance</i> yang tidak berterusan 2. Pegawai tidak berdisiplin 3. Pegawai gagal mematuhi kod etika JAS 4. Pegawai kurang penghayatan agama 5. Interaksi dengan industri tidak berkesan 6. Tiada penekanan terhadap kerahsiaan maklumat pengadu bagi aduan pihak luar terhadap salah laku pegawai 7. Latihan tidak konsisten	<ul style="list-style-type: none"> Potensi rasuah di kalangan pegawai Pencemaran meningkat Menjejasikan imej Jabatan Kepercayaan masyarakat menurun 	Major	Rare	High	Reduce
11.	Pakatan rasuah/salah guna kuasa semasa proses siasatan pematuhan syarat EIA di lapangan	1. Pengamalan <i>check and balance</i> yang tidak berterusan 2. Pegawai tidak berdisiplin 3. Pegawai gagal mematuhi kod etika JAS 4. Pegawai kurang penghayatan agama 5. Interaksi dengan industri tidak berkesan 6. Tiada penekanan terhadap kerahsiaan maklumat pengadu bagi aduan pihak luar terhadap salah laku pegawai 7. Latihan tidak konsisten	<ul style="list-style-type: none"> Potensi rasuah di kalangan pegawai Pencemaran meningkat Menjejasikan imej Jabatan Kepercayaan masyarakat menurun 	Major	Moderate	High	Reduce

No	Risiko/Potensi Risiko Rasuah	Punca-Punca	Akibat	Impak	Kebarangkalian	Tahap Risiko	Tindakan
PENGURUSAN BIODIVERSITI DAN HUTAN							
12.	Rasuah dan salah guna kuasa di dalam pemohonan kelulusan kawasan membalak	1. Tidak menepati syarat-syarat yang diteftapkan 2. Pegawai tidak berintegriti	<ul style="list-style-type: none"> • Imej Jabatan terjejas • Kutipan hasil rendah • Kilang haram berleluasa • Pembelian kayu haram (harga naik/turun) • Pencerobohan haram meningkat • <i>Chain of custody</i> terputus • Permintaan kayu haram meningkat 	Major	Likely	High	Reduce
13.	Penguatkuasaan yang lemah di pintu masuk Negara	1. Kurang kakitangan 2. Pusingan kerja yang terhad 3. Pertindihan kuasa 4. Had kawasan pemeriksaan	<ul style="list-style-type: none"> • Imej Negara terjejas • Kepercayaan masyarakat menurun • Menjejaskan alam sekitar dan kehidupan rakyat • Kesan kepada ekosistem • Banyak binatang akan pupus 	Major	Moderate	High	Reduce


No	Risiko/Potensi Risiko Rasuah	Punca-Puncanya	Akibat	Impak	Kebarangkalian	Tahap Risiko	Tindakan
14.	Hukuman yang lebih berat ke atas individu pihak yang melakukan kesalahan dalam Taman Laut	PENGURUSAN BIODIVERSITI DAN HUTAN	<ul style="list-style-type: none"> 1. Tidak mengikut SOP yang ditetapkan 2. Wujudnya sekutu (<i>cronyism</i>) 3. Pegawai kurang berintegriti 4. Kurang penyeliaan <i>hot staff</i> dan <i>hot spot</i> 5. Kekurangan anggota pengawalkuasaan 	<p>• Imej Jabatan terjejas</p> <p>• Pencerobohan haram meningkat</p> <p>• Ketirisian hasil Kerajaan</p> <p>• Kepercayaan masyarakat menurun</p> <p>• Keselamatan Negara terjejas</p> <p>• Menjejaskan alam sekitar dan kehidupan rakyat</p>	<p>Major</p> <p>Unlikely</p>	<p>Significant</p>	<p>Reduce</p>
15.	Kebocoran maklumat operasi pengawalkuasaan kepada pihak yang berkepentingan		<ul style="list-style-type: none"> 1. Tidak mengikut SOP yang ditetapkan 2. Wujudnya sekutu (<i>cronyism</i>) 3. Pegawai kurang berintegriti 4. Kurang penyeliaan <i>hot staff</i> dan <i>hot spot</i> 5. Kekurangan anggota pengawalkuasaan 	<p>• Imej Jabatan terjejas</p> <p>• Pencerobohan haram meningkat</p> <p>• Ketirisian hasil Kerajaan</p> <p>• Kepercayaan masyarakat menurun</p> <p>• Keselamatan Negara terjejas</p> <p>• Menjejaskan alam sekitar dan kehidupan rakyat</p>	<p>Major</p> <p>Rare</p>	<p>Significant</p>	<p>Reduce</p>

No	Risiko/Potensi Risiko Rasuah	Punca-Puncanya	Akibat	Impak	Kebarangkalian	Tahap Risiko	Tindakan
16.	Tanda tindakan diambil ke atas individu/pihak yang melindungi/g/ membela kesatahan yang dilakukan dalam Taman Laut	<p>PENGURUSAN BIODIVERSITI DAN HUTAN</p> <ul style="list-style-type: none"> 1. Tidak mengikut SOP yang ditetapkan 2. Wujudnya sekutu (<i>cronyism</i>) 3. Pegawai kurang berintegriti 4. Kurang penyeliaan <i>hot staff</i> dan <i>hot spot</i> 5. Kekurangan anggota pengawalkuasaan 	<ul style="list-style-type: none"> • Imej Jabatan terjejas • Pencerobohan haram meningkat • Ketirisian hasil Kerajaan • Kepercayaan masyarakat menurun • Keselamatan Negara terjejas • Menjejaskan alam sekitar dan kehidupan rakyat 	Major	Rare	Significant	Reduce
17.	Perkhidmatan kawalan keselamatan tidak berkualiti	<p>TADBIR URUS KEMENTERIAN</p> <ul style="list-style-type: none"> 1. Anggota tidak berdisiplin 2. Tiada pengawasan dan pemeriksaan 3. Tidak patuh kepada SOP 4. Bilangan anggota tidak mencukupi 	<ul style="list-style-type: none"> • Pencerobohan berlaku • Perkhidmatan tidak berkualiti • Kerugian kepada Kerajaan • Menjejaskan faktor keselamatan 	Major	Unlikely	Significant	Reduce
18.	Penyelenggaraan kenderaan Jabatan yang tidak memuaskan	<ul style="list-style-type: none"> 1. Pegawai tidak berintegriti 2. Kurang pengawasan dan penyeliaan 3. Tidak patuh/tidak memahami SOP 4. <i>Conflict of interest</i> 	<ul style="list-style-type: none"> • Alat ganti tidak asli • Kerosakan kerap berulang • Merugikan Kerajaan • Imej Kementerian terjejas 	Major	Unlikely	Significant	Reduce

No	Risiko/Potensi Risiko Rasuah	Puncak-Puncak	Akibat	Impak	Kebarangkalian	Tahap Risiko	Tindakan
19.	Penerimaan barang yang tidak mengikuti spesifikasi dan kuantiti tidak mencukupi	1. Pegawai tidak berintegriti 2. Kecuaian pegawai 3. Kurang pengawasan dan penyeliaan 4. Pakatan antara pegawai dan pembekal 5. Kelonggaran SOP 6. Kelemahan surat perjanjian	<ul style="list-style-type: none"> Menjejaskan imej Jabatan Kerajaan Kerugian wang Kerajaan Menjejaskan operasi pembekalan barang 	Major	Unlikely	Significant	Reduce
20.	Orang Kena Tuduh (OKT) tidak dapat dituduh	1. Rasuah 2. Pegawai tidak kompeten 3. Pegawai kurang berintegriti 4. <i>Conflict of interest</i> 5. OKT tidak dapat dijumpai (terutama dalam kes melibatkan warga asing)	<ul style="list-style-type: none"> Keselamatan awam dan Negara terancam Kepercayaan masyarakat terhadap sistem perundangan menurun Berlaku ketidakadilan dalam masyarakat Menjejaskan alam sekitar dan kehidupan rakyat Melemahkan sistem pemerintahan Imej Kementerian tercaltar 	Major	Rare	Significant	Reduce

No	Risiko/Potensi Risiko Rasuah	Puncak-Puncak	Akibat	Impak	Kebarangkalian	Tahap Risiko	Tindakan
21.	TADBIR URUS KEMENTERIAN	1. Kepentingan peribadi melebihi kepentingan awam 2. Kurangnya integriti 3. Terdapat ruang dan peluang 4. Pegawai kurang mahir 5. Kecuaian 6. Fotostat dokumen tanpa kawalan 7. <i>Conflict of interest</i> 8. Membocorkan maklumat sulit melalui teknologi	<ul style="list-style-type: none"> • Imej Kementerian terjejas • Projek terbengkalai/tidak siap • Penambahan kos projek/kerugian wang Negara • Kepercayaan masyarakat menurun • Tiada jaminan kualiti peralatan/bekalan/projek • Kerugian kepada Kerajaan 	Major	Moderate	High	Reduce

No	Risiko/Potensi Risiko Rasuah	Punca-Punca	Akibat	Impak	Kebarangkalian	Tahap Risiko	Tindakan
22.	Salah guna kuasa dan penyelewengan dalam pengurusan perolehan Jabatan	TADBIR URUS KEMENTERIAN	<p>1. Tiada makluman atau edaran berkenaan pindaan pada Pekeliling Perbendaharaan Bil 1/2014 (SPP); Langkah Penjimatan dalam Perolehan Kerajaan</p> <p>2. Maklumat pindaan berkaitan pindaan nilai perolehan lambat disebarluaskan menyebabkan karenah birokrasi</p> <p>3. Tiada garis panduan atau prosedur kerja yang spesifik bagi menjalankan sesuatu program</p> <p>4. Amalan cara kerja lama tidak mengikut tatacara perolehan menjadi ikutan pegawai baharu</p> <p>5. Tidak peka terhadap kewujudan pekeliling yang terbaharu</p> <p>6. Pegawai pelaksana tidak melaporkan status kerja kepada pegawai atasan</p> <p>7. Tiada tindakan susulan (<i>follow up</i> & <i>follow through</i>) perambahbaikan berdasarkan laporan post-mortem</p>	<ul style="list-style-type: none"> Potensi rasuah dikalangan pegawai Objektif perolehan 'Best Value For Money' tidak tercapai Merugikan peruntukan kewangan Kerajaan. Menjejaskan imej Jabatan Kepercayaan masyarakat menurun 	<ul style="list-style-type: none"> Major Likely 	<ul style="list-style-type: none"> High 	Reduce



“Dan janganlah kamu makan (atau mengambil) harta (orang-orang lain) di antara kamu dengan jalan yang salah, dan jangan kamu pula menghulurkan harta kamu (memberi rasuah) kepada hakim-hakim kerana hendak memakan (atau mengambil) sebahagian dari harta manusia dengan (berbuat) dosa, padahal kamu mengetahui (salahnya)”

(Surah Al-Baqarah : 188)



Pelan Tindakan Risiko Rasuah

RINGKASAN PELAN TINDAKAN

No	Aktiviti/proses kerja utama & Bidang risiko	Pelan Tindakan	TOR	Tanggungjawab	Sasaran tarikh pelan terperinci
1.	Pencerobohan rizab – pemantauan yang lemah	<ul style="list-style-type: none"> i. Pewartaan Rang Undang-Undang Sumber Air Negara (RUU SAN) ii. Penambahbaikan SOP/Garis panduan lesen pendudukan sementara/tol iii. Pewartaan rizab iv. Taklimat serta kursus berkaitan dasar & perundangan, pekeliling, integriti/ <i>wake up call integrity</i> v. Pengwujudan database/penilaian syarikat kontraktor dan perunding vi. Tindakan tegas – surat amaran/tindakan tata tertib vii. Pertukaran penempatan pegawai viii. Penambahan kakitangan 	1,6 2,5 2,4,5 1,3,5 2,5 2,5 5,6 5,6 5	NRE (BSASH) NRE (BSASH) NRE (BSASH) & JPS NRE (BSASH) & JPS JPS JPS, SPA & JPA SUK NEGERI & JPS (BPSM) JPS	November 2018 April 2018 November 2018 April 2018 April 2018 Disember 2018 Disember 2018 November 2018
2.	Pelantikan syarikat kolaborasi yang tidak kompeten/yang sama	<ul style="list-style-type: none"> i. Ikrar Bebas Rasuah ii. Program <i>wake up call</i> tentang SOP kewangan di kalangan pegawai iii. Penambahbaikan SOP iaitu buat pembelian vendor secara penggiliran 	1,2,5 4 3	NAHRIM (UJ) NAHRIM (Kewangan) NAHRIM (Urus setia JKSH)	Januari 2018 April 2018 Setiap mesyuarat jawatankuasa sebuah harga

No	Aktiviti/proses kerja utama & Bidang risiko	Pelan Tindakan	TOR	Tanggungjawab	Sasaran tarikh pelan terperinci
3.	Pemalsuan maklumat laporan disediakan, pakatan di antara pemohon dan pegawai penguatkuasa	<ul style="list-style-type: none"> i. Penyeliaan hot staff yang sistematis ii. Latihan pengukuhan sahsiah dan kemahiran penguatkuasa iii. Penambahanbaikalan pada MPK dan SOP iv. Penambahan kakitangan penguatkuasa v. Penambahan peruntukan dan peralatan untuk penguatkuasa 	2,5,6 1,2,3,7	JMG (Pengarah Negeri) JMG (Pengarah Negeri)	September 2017 Jun 2018
4.	Pengeluaran permit eksport mineral dan bahan batu kepada entiti yang tidak berkelayakan, pemalsuan maklumat pakatan di antara pemohon dan pegawai pemproses	<ul style="list-style-type: none"> i. Penambahanbaikalan pada SOP dan garis panduan ii. Latihan pengukuhan sahsiah dan kemahiran pegawai pemproses iii. Penambahan pegawai pemproses 	2,5,6 1,2,3,7 1,2,4	NRE (BMG) / JMG (Pengarah Negeri) NRE (BMG) / JMG (Pengarah Negeri) NRE (BMG) / JMG (Pengarah Negeri)	September 2017 Jun 2018 Jun 2018
5.	Kebocoran maklumat penguatkuasaan dan pengawalseliaan melalui pakatan di antara pengguna lombong/kuari dan pegawai penguatkuasa, <i>conflict of interest</i>	<ul style="list-style-type: none"> i. Penyediaan garis panduan dan SOP yang komprehensif ii. Pindaan undang-undang dan peraturan iii. Latihan intensif dan berterusan iv. Sejarai semak yang sistematis v. Melengkapatkan logistik dan peralatan teknikal 	1,2,4 1,2 2,3,5 2,5 2,5,7	JMG (Pengarah Negeri) JMG (Pengarah Negeri) JMG (Pengarah Negeri) JMG (Pengarah Negeri)	Februari 2018 Januari 2018 Januari 2018 Januari 2018 Januari 2018

No	Aktiviti/proses kerja utama & Bidang risiko	Pelan Tindakan	TOR	Tanggungjawab	Sasaran tarikh pelan terperinci
6.	Pengeluaran lesen kepada entiti yang tidak berkelayakan, pemalsuan maklumat, pakaatan di antara pemegang lesen dan pegawai penguatkuasa	<ul style="list-style-type: none"> i. Penyediaan Garis Panduan dan SOP yang komprehensif ii. Pindaan undang-undang dan peraturan iii. Latihan intensif dan berterusan iv. Senarai semak yang sistematik v. Melengkapkan logistik dan peralatan teknikal 	1,2,4 1,2 2,3,5 2,5 2,5,7	JMG (Pengarah Negeri) JMG (Pengarah Negeri) JMG (Pengarah Negeri) JMG (Pengarah Negeri)	Februari 2018 Januari 2018 Januari 2018 Januari 2018 Januari 2018
7.	Salahguna kelulusan permit penerbangan oleh syarikat	<ul style="list-style-type: none"> i. Pembangunan pangkalan data (database) ii. Latihan untuk pegawai di JUPEM Negeri iii. Pembangunan 'Tracker System' yang boleh memantau penerbangan secara hakiki 	2 1,2 4	JUPEM (BGSP) JUPEM (BGSP) JUPEM (BGSP)	2018 2018 2018
8.	Pengubahan sisa pada tuntutan bayaran mengajar	<ul style="list-style-type: none"> i. Semakan semula kepada kadar bayaran penceramah sedia ada ii. Menyatakan kelayakan bayaran dalam surat jemputan penceramah iii. Menetapkan peruntukan perbelanjaan kursus 	3 1,2 1,2	MOF INSTUN (Ketua Program) INSTUN (Seksyen Kewangan)	Januari 2018 Januari 2018
9.	Pemilihan konsultan tidak kompeten	<ul style="list-style-type: none"> i. Mewujudkan pangkalan data konsultan ii. Mewujudkan rating system untuk menilai konsultan iii. Meningkatkan bilangan tenaga pengajar dalaman 	1 1 1,2	INSTUN (R&D) INSTUN (R&D) INSTUN (Semua Bahagian)	Januari 2019 Januari 2019 Januari 2019

No	Aktiviti/proses kerja utama & Bidang risiko	Pelan Tindakan	TOR	Tanggungjawab	Sasaran tarikh pelan terperinci
10.	Ruang dan peluang rasuah semasa pemeriksaan ke atas premis	<ul style="list-style-type: none"> i. Kod etika dan tatakelakuan Jabatan diedarkan untuk perhatian semua pegawai ii. Mengambil tindakan tatatertib terhadap salah laku pegawai iii. Mengadakan ceramah penerapan nilai-nilai murni dan peningkatan integriti iv. Semua pegawai penguatkuasa perlu dipersijilkan (Certified Officer) 	<ul style="list-style-type: none"> 3 6 3 1 	<ul style="list-style-type: none"> JAS (Pengarah Negeri & UI) JAS (Pengarah Negeri & UI) JAS (Pengarah Negeri & UI) EiMAS 	<ul style="list-style-type: none"> Disember 2018 Disember 2018 Disember 2018 Disember 2020
11.	Pakatan rasuah/salah guna kuasa semasa proses siasatan pematuhan syarat EIA di lapangan	<ul style="list-style-type: none"> i. Kod etika dan tatakelakuan Jabatan diedarkan untuk perhatian semua pegawai ii. Mengambil tindakan tatatertib terhadap salah laku pegawai iii. Mengadakan ceramah penerapan nilai-nilai murni dan peningkatan integriti iv. Semua pegawai penguatkuasa perlu dipersijilkan (Certified Officer) 	<ul style="list-style-type: none"> 3 6 3 1 	<ul style="list-style-type: none"> JAS (Pengarah Negeri & UI) JAS (Pengarah Negeri & UI) JAS (Pengarah Negeri & UI) EiMAS 	<ul style="list-style-type: none"> Disember 2018 Disember 2018 Disember 2018 Disember 2020
12.	Rasuah dan salah guna kuasa di dalam permohonan kelulusan kawasan membalaik	<ul style="list-style-type: none"> i. Pemberian kawasan secara tender ii. Kuota untuk skim kilang papan iii. Kajian SOP untuk cara-cara permohonan kawasan membalaik 	<ul style="list-style-type: none"> 1 1 2 	<ul style="list-style-type: none"> JPSM,SUK Negeri NRE (BBP) JPN,SUK Negeri (PUU) 	<ul style="list-style-type: none"> Januari 2021 Januari 2021 Januari 2021

No	Aktiviti/proses kerja utama & Bidang risiko	Pelan Tindakan	TOR	Tanggungjawab	Sasaran tarikh pelan terperinci
13.	Penguatkuasaan yang lemah di pintu masuk Negara	<ul style="list-style-type: none"> i. Tingkat komunikasi bersama agensi penguatkuasaan lapangan terbang, pelabuhan dan pintu masuk ii. Bangunkan komunikasi bersama pihak pengurusan lapangan terbang, pelabuhan dan pintu masuk iii. Bangunkan komunikasi bersama Airfreight Forwarders Association of Malaysia. 	<p>5 2,5 5</p>	<p>NRE (BBP), PERHILITAN & Bersama Pihak Berkuaasa Akta 686 NRE (BBP) & Bersama Pihak Berkuaasa Akta 686 NRE (BBP) & Bersama Pihak Berkuaasa Akta 686</p>	Disember 2018 Disember 2018 Disember 2018
14.	Hukuman yang lebih berat ke atas individu/pihak yang melakukan kesalahan dalam Taman Laut	<ul style="list-style-type: none"> i. Pindaan undang-undang (Akta Taman Laut) ii. Polisi & dasar Jabatan iii. Penambahbaikan SOP/MPK/FM & kaedah penyeliaan yang lebih spesifik iv. Penggunaan teknologi yang bersesuaian – mewujudkan pangkalan data (data base) rekod kesalahan lampau 	<p>1 1,2 & 5 2,5,6 1,2</p>	<p>NRE (BBP, JUUU), JTLM, MOA (DOF) JTLM (BPPTL) JTLM (BKP) JTLM (BKBM/BKP)</p>	Disember 2018 Disember 2018 Disember 2018 Disember 2018
15.	Kebocoran maklumat operasi penguatkuasaan kepada pihak yang berkepentingan	<ul style="list-style-type: none"> i. Penggunaan teknologi yang bersesuaian – penggunaan drone ii. Penambahbaikan SOP/MPK/FM & kaedah penyeliaan iii. Polisi & dasar Jabatan iv. Pindaan undang-undang (Akta Taman Laut) 	<p>1,2 2,5,6 1,2,5 1</p>	<p>JTLM (BKBM/BKP) JTLM (BKP) JTLM (BPPTL) NRE (BBP, JUUU), JTLM, MOA (DOF)</p>	Disember 2018 Disember 2018 Disember 2018 Disember 2018

No	Aktiviti/proses kerja utama & Bidang risiko	Pelan Tindakan	TOR	Tanggungjawab	Sasaran tarikh pelan terperinci
16.	Tiada tindakan diambil ke atas individu/pihak yang melindungi/membela kesalahan yang dilakukan dalam Taman Laut	i. Polisi & dasar Jabatan ii. Penambahbaikan SOP/MPK/FM & kaedah penyelidikan iii. Penggunaan teknologi yang bersetujuan – penggunaan CCTV di pengkalan/bot rondaan	1,2,5 2,5,6	JTLM (BPPTL) JTLM (BKP)	Disember 2018 Disember 2018 Disember 2018
17.	Perkhidmatan kawalan keselamatan tidak berkualiti	i. Penambahbaikan SOP ii. Pemeriksaan mengejut iii. Penalti / pemotongan	2,4,5 6	NRE (BT) Pegawai Keselamatan di NRE dari Jabatan/Agensi NRE (BT)	Disember 2018 Disember 2018 Disember 2018
18.	Penyelenggaraan kenderaan Jabatan yang tidak memuaskan	i. Penambahbaikan SOP ii. Kursus Integriti/Latihan iii. Pemeriksaan mengejut di bengkel – bengkel kenderaan	4,5 1,3 5,6	NRE (BT) NRE (UI & BPBM) NRE (BT)	Disember 2018 Disember 2018 Disember 2018
19.	Penerimaan barang yang tidak mengikut spesifikasi dan kuantiti tidak mencukupi	i. Kursus/ latihan untuk meningkatkan integriti ii. Penambahbaikan SOP iii. Penambahbaikan surat perjanjian pembekalan	1,2,3 4 5	NRE (BT & UI) NRE (BT) NRE (BT)	Disember 2018 Disember 2018 Disember 2018

No	Aktiviti/proses kerja utama & Bidang risiko	Pelan Tindakan	TOR	Tanggungjawab	Sasaran tarikh pelan terperinci
20.	OKT tidak dapat dituduh	i. Spot check Kertas Siasatan (IP) ii. Penggunaan ICT bagi tujuan transparency iii. Tambah baik Garis Panduan Conflict of Interest iv. Bengkel Pendakwaan dan Penguatkuasaan	5 1,5 5 1	NRE (UUU) NRE (BPM) NRE (UUU) NRE (UUU)	Disember 2018 Disember 2019 Disember 2018 Disember 2017
21.	Kebocoran maklumat senarai projek dan tender/sebut harga pelantikan perunding	i. Penambahbaikan SOP/ Garis Panduan tatacara perolehan dan pelantikan perunding ii. Takhimat serta kursus berkaitan dasar & perundingan, pekeliling, integriti/wakeup call integriti/ iii. Pewujudan pangkalan data (<i>data base</i>) penilaian syarikat kontraktor dan perunding iv. Tindakan tegas – surat amaran/tindakan tatatertib v. Pertukaran penempatan pegawai vi. Penyediaan Garis Panduan conflict of interest vii. Latihan viii. Memasang CCTV	1,2 2,3,5 2,5 5,6 5,6 1 1,2,3 5	NRE (BKEP,BP,BT) dan Jabatan/ Agenси (BKP) NRE (BKEP,BP,BT) dan Jabatan/ Agenси (BKP,UI) NRE (BKEP,BP,BT) dan Jabatan/ Agenси (BKP) NRE (BKEP,BP,BT) dan Jabatan/ Agenси (BKP) NRE (BKEP,BP,BT) dan Jabatan/ Agenси (BKP) NRE (BKEP,BP,BT) dan Jabatan/ Agenси (BKP) NRE (BKEP,BP,BT) dan Jabatan/ Agenси (BKP)	April 2018 Disember 2017 Disember 2017 April 2018 Disember 2017 Disember 2018 Disember 2018

No	Aktiviti/proses kerja Utama & Bidang risiko	Pelan Tindakan	TOR	Tanggungjawab	Sasaran tarikh pelan terperinci
22.	Salah guna kuasa dan penyelewengan dalam pengurusan perolehan Jabatan	<ul style="list-style-type: none"> i. Memberi taklimat/edaran berkaitan pekeliling perbendaharaan atau pindaan yang berkenaan ii. Mewujudkan garis panduan/mengeluarkan arahan dalam secara bertulis berkenaan tatacara perolehan/mendapat sebut harga iii. Memberi taklimat atau latihan berkaitan prosedur kewangan/perolehan iv. Mengambil tindakan tata tertib terhadap salahlaku pegawai 	1 2 3 6	NRE (BKEP,BP,BT) dan Jabatan/ Agenzi (BKP) NRE (BKEP,BP,BT) dan Jabatan/ Agenzi (BKP) NRE (BKEP,BP,BT) dan Jabatan/ Agenzi (BKP) NRE (BKEP,BP,BT) dan Jabatan/ Agenzi (BKP)	Disember 2018 Disember 2018 Disember 2018 Disember 2018

Petunjuk : *Terms of Reference (TOR)*

1	Dasar dan Perundangan
2	Sistem dan Prosedur Kerja
3	Nilai-nilai Murni dan Kod Etika
4	Pengurusan Pelanggan
5	Kawalan Dalamam
6	Tindakan Pengesahan, Punitif dan Pemulihran
7	Pengiktirafan dan Penghargaan

“Sesiapa sahaja yang telah kami lantik untuk memegang sesuatu jawatan atau kerja dan kami telah tetapkan pendapatannya atau gaji maka apabila ia mengambil lebih dari apa yang ditetapkan itu dikira sebagai satu penipuan dan rasuah”

(Hadis Riwayat Abu Daud)



Pemantauan Pelan Pengurusan Risiko Rasuah

PENGENALAN PEMANTAUAN PELAN CRM

Pemantauan Pelan CRM bertujuan untuk menilai :

1

kemajuan penyediaan pelan tindakan

2

kemajuan pelaksanaan pelan tindakan

3

keberkesanan pelan tindakan

4

adakah terdapat risiko rasuah yang baharu
(aktiviti/proses kerja utama baru/sedia)

5

perubahan taraf risiko kepada aktiviti proses
kerja utama sedia ada daripada rendah ke
tinggi, contohnya :

- *moderate* → *significant*
- *moderate* → *high*

FORMAT PEMANTAUAN PELAN CRM

Pelan Tindakan	Tanggungjawab	Sasaran tarih	Kemajuan
1.			
2.			
3.			
4.			
5.			
6.			
7.			
8.			
9.			
10.			

Penghargaan

*S*etinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih ditujukan khas kepada pihak Pengurusan NRE dan Bahagian/Unit/Jabatan dan Agensi di bawah NRE yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam usaha penerbitan Pelan CRM NRE.

*S*emoga penerbitan buku ini dapat dijadikan panduan dan rujukan kepada pihak Pengurusan NRE dan Bahagian/Unit/Jabatan dan Agensi di bawah NRE dalam menyelaras dan memantau pelaksanaan Pelan CRM NRE.

GLOSARI

1.	BBP	:	Bahagian Pengurusan Biodiversiti dan Perhutanan
2.	BGSP	:	Bahagian Geospatial Pertahanan
3.	BKBM	:	Bahagian Konservasi Biodiversiti Marin
4.	BKEP	:	Bahagian Kewangan dan Perolehan
5.	BKP	:	Bahagian Khidmat Pengurusan
6.	BMG	:	Bahagian Mineral dan Geosains
7.	BP	:	Bahagian Pembangunan
8.	BPPTL	:	Bahagian Perancangan dan Pengurusan Taman Laut
9.	BPSM	:	Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
10.	BSASH	:	Bahagian Sumber Air, Saliran dan Hidrologi
11.	BT	:	Bahagian Pentadbiran
12.	CCTV	:	Closed Circuit Television
13.	CRM	:	Corruption Risk Management
14.	DOF	:	Jabatan Perikanan Malaysia
15.	EIA	:	Environmental Impact Assessment
16.	EiMAS	:	Institut Alam Sekitar Malaysia
17.	FM	:	Fail Meja
18.	INSTUN	:	Institut Tanah dan Ukur Negara
19.	ICT	:	Information and Communications Technology
20.	IP	:	Investigation Paper
21.	JKSH	:	Jawatankuasa Sebut Harga
22.	JMG	:	Jabatan Mineral dan Geosains
23.	JPA	:	Jabatan Perkhidmatan Awam
24.	JPN	:	Jabatan Perhutanan Negeri

25.	JPS	:	Jabatan Pengairan dan Saliran
26.	JTLM	:	Jabatan Taman Laut Malaysia
27.	MOA	:	Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani
28.	MOF	:	Kementerian Kewangan Malaysia
29.	MPK	:	Manual Prosedur Kerja
30.	NAHRIM	:	Institut Penyelidikan Hidraulik Kebangsaan Malaysia
31.	NRE	:	Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar
32.	OKT	:	Orang Kena Tuduh
33.	PUU	:	Penasihat Undang-Undang
34.	R & D	:	Research and Development
35.	SOP	:	Standard Operation Procedure
36.	SPA	:	Suruhanjaya Perkhidmatan Awam
37.	SUK Negeri	:	Setiausaha Kerajaan Negeri
38.	UI	:	Unit Integriti
39.	UUU	:	Unit Undang-Undang



KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR
WISMA SUMBER ASLI
NO 25, PERSIARAN PERDANA, PERSINT 4,
62574, PUTRAJAYA
TEL : +603-8886 1716 FAKS: +603-8888 0731
EMEL : helpdeskui@nre.gov.my